

TITAH  
DI MAJLIS SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN  
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI YANG KE 43 TAHUN

PADA

11 RABIULAKHIR 1425/31 MEI 2004

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
BISMILLAHIR Rahmanir Rahim

Alhamdulillahi Rabbil Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadeen, Wassalaatu Wassalaamu'Ala Asyrafil Mursaleen Sayyidina Muhammaddin Wa'alaa Aaliheee Wasahbihee Ajma'een Waba'du.

Alhamdulillah beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala di atas limpah rahmat-Nya mengizinkan beta bersama-sama meraikan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang ke-43 tahun pada pagi ini. Beta merasa bangga melihat anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei berdiri dengan semangat patriotisme selaku benteng pertahanan Negara untuk memelihara kedaulatan agama, raja, bangsa dan Negara.

Pada kebelakangan ini, beta telah berpeluang mengadakan beberapa lawatan ke Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Dalam pemerhatian beta banyak kemajuan yang dicapai oleh unit-unit Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Namun perkembangan tidaklah boleh berhenti setakat yang ada. Kita mesti mencipta perubahan dengan tuntutan-tuntutan masa. Mungkin sepuluh tahun yang lalu, tidak siapa yang cenderung untuk meramalkan bahawa, pergolakan dan penularan isu-isu keselamatan akan terjadi. Namun sekarang ia adalah benar-benar berlaku. Sebab itulah jangan tunggu dan jangan duduk diam dari melakukan sebarang perancangan untuk masa depan supaya Negara tidak mendapat dirinya kecewa tanpa persiapan.

Alhamdulilah, dalam sedikit masa lagi, Kementerian Pertahanan akan mengeluarkan Kertas Dasar Pertahanan atau 'Defence White Paper', dan serentak dengan itu juga akan melancarkan Perancangan Strategik Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Langkah ini amatlah penting untuk menuju kearah pengurusan pertahanan. Kerana adalah perancangan dan 'decision making' itu bukanlah boleh dibuat secara rambang dan mendadak akan tetapi, memerlukan metodologi dan pendekatan yang kemas.

Kertas Dasar Pertahanan bukan sahaja menyumbang untuk membina keyakinan di rantau ini, malah juga untuk menyatukan kegiatan-kegiatan pertahan yang akan turut dilaksanakan oleh Kementerian-Kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang lain.

Demikain pula Perancangan Strategik Kementerian Pertahan adalah merupakan alat pengurusan untuk merancang perkembangan dan pembangunan angkatan-angkatan tentera kita secara bersepadu.

Kedua-dua usaha ini diharapkan akan dapat menangani segala isu yang lebih specific di dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Walau bagaimanapun kita jangan lupa bahawa perkembangan fizikal mestilah seimbang dengan perkembangan rohani atau spiritual. Kejayaan hanyalah boleh dicabar dengan adanya dua kekuatan yang seimbang, fizikal dan spiritual.

Beta gembira apabila mengetahui bahAa kadar penyalahgunaan dadah di kalangan anggota tentera telah menurun secara signifikan dalam dua tahun kebelakangan ini. Inilah adalah menandakan terdapatnya perubahan dalaman yang membanggakan di samping dasar-dasar ketat serta tegas yang telah dikuatkuasakan. Beta yakin peningkatan kesedaran rohani sedang berlaku dengan pesatnya di kalangan anggota. Oleh itu kepada pucuk pimpinan beta berharap demikian, kita hendaklah menyediakan peruntukan dan kaedah yang lengkap bagi perkembangan anggota dan kakitangan. Selain daripada itu, motivasi dan keimanan mereka juga hendaklah dipelihara serta dipastikan sentiasa berkobar. Ini adalah satu tanggungjawab utama bagi pemerintahan atau 'common'.

Akhir sekali, beta ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang ke-43 kepada seluruh anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang masih berkhidmat dan telah bersara, keluarga mereka dan malah semua kakitangan yang turut menyumbang kepada pertahanan Negara selama ini. Beta berdoa semoga pengorbanan suci dari semua pihak itu akan membawa Negara Brunei Darussalam terus menikmati suaana aman makmur yang berkekalan. Amin Ya Rabbal Alamin.

Sekian, Wabilahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.